

HATI-HATI
PLEASE NOTE **EMBARGO**
EMBARGO

PEN. 5/77/32 (TPM)



Tidak boleh disiarkan sebelum pukul
4.15 petang pada 11hb. Mei, 1977.

DR. MAHATHIR MOHAMAD RESMI
KINABALU INTERNATIONAL HOTEL

*SYEP
process 11/5/77*

Ucapan Y.A.B. Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri
di upacara pembukaan resmi Kinabalu International Hotel pada 11hb. Mei,
1977, pukul 3.50 petang (waktu Sabah):

Saya bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dapat hadir dan membuka dengan resminya Kinabalu International Hotel. Upacara ini pada anggapan saya adalah suatu hal yang penting kerana ia melambangkan kejayaan sebuah projek yang telah dilaksanakan dengan penuh daya imajinasi, keberanian dan keazaman oleh orang-orang yang melaksanakan projek ini. Saya mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan punya hotel ini khasnya kepada Datuk Yassin, atas kejayaan mereka yang cemerlang ini. Saya difahamkan Datuk Yassin bukan sahaja banyak menanamkan modal dalam projek ini tetapi juga secara peribadi, terlibat didalam memulakan dan menyelia pembangunan projek ini sehinggalah siap dibina. Ini adalah suatu usaha yang membanggakan.

Pada ketika yang amat bersejarah ini Kerajaan secara aktif menggalakkan penglibatan Bumiputra di dalam perdagangan dan perusahaan sebagai satu dasar untuk membentuk semula masyarakat dan menghapuskan kemiskinan. Projek ini adalah sebagai suatu contoh yang cemerlang yang mencerminkan apa yang boleh dijayakan oleh Bumiputra. Setakat yang saya tahu inilah projek pembangunan hotel yang terbesar sekali di Sabah dan Sarawak dan mungkin hotel yang terbesar sekali dimiliki oleh Bumiputra di negeri ini. Saya diberitahu bahawa kos projek ini menelan belanja lebihkurang tiga puluh juta ringgit. Jumlah wang yang besar ini merupakan satu pelaburan yang besar.

Saya yakin projek yang besar seperti ini adalah satu daya penggerak yang penting bagi mempercepatkan pembangunan oleh kerana ia memberi peluang pekerjaan, menghasilkan pendapatan dan menggalakkan pembangunan dan pelancungan di negeri ini. Saya merasa bangga dapat mengetahui bahawa hotel ini seratus-peratus dikendalikan oleh warganegara Malaysia, dan daripada bilangan itu 75% adalah terdiri daripada Bumiputra tempatan. Tindakan hotel ini melatih dan mengeluarkan kakitangan pengurusan sendiri jelas menunjukkan bahawa tuan-tuan punya hotel ini mengamalkan dua peranan penting iaitu, penglibatan dan pengeluaran yang menjadi faktor penting di dalam melaksanakan dengan berkesannya Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Negeri Sabah berkehendakkan tenaga manusia yang terlatih dan mahir untuk mempercepatkan pembangunan sosial dan ekonominya. Adalah amat wajar bahawa sesuatu projek itu mempunyai program meninggikan keupayaan tenaga manusianya sendiri untuk memenuhi kehendak pekerjaan projek itu. Kebolehan sesuatu projek itu untuk meneruskan perniagaannya pada hakikatnya bergantung kepada pengurusan yang baik. Tidak ada jalan yang ringkas untuk mengeluarkan kakitangan pengurusan, kerana setiap mereka itu terpaksa dilatih dan tiap-tiap latihan mengambil masa. Kinabalu International Hotel mempunyai program latihannya sendiri yang diorientasikan kepada kehendak-kehendak serta keadaan tempatan dan ini merupakan satu tindakan yang realistik dan terpuji.

(tambahan)

Sabah mempunyai punca-punca yang baik bagi memajukan pelancungan. Negeri ini kaya dengan berbagai-bagai kebudayaan dan tempat-tempat menarik semula jadi. Semuanya ini adalah faktor-faktor penting bagi memajukan perusahaan pelancungan. Walaupun demikian, kemajuan perusahaan pelancungan yang moden di dalam sesebuah negeri itu banyak bergantung kepada kemudahan-kemudahan yang boleh diberi untuk kesenangan dan keseronokan pelancung-pelancung itu. Hotel sebagai tempat penginapan yang bertaraf antarabangsa menjadi satu faktor penting untuk menarik pelancung-pelancung luar negeri. Mengikut amalan, semakin terpencil sesuatu tempat semakin diperlukan kemudahan-kemudahan yang baik dan moden untuk menarik dan mendapatkan faedah daripada pelancung-pelancung luar negeri. Kinabalu International Hotel pada pendapat saya memenuhi kehendak ini dan dengan itu menolong Kerajaan dan negeri ini dalam memajukan perusahaan pelancungan.

Rancangan Malaysia Ketiga menegaskan usaha membuat perubahan penting di dalam pembangunan sosial dan ekonomi negara ini. Kerajaan telah dan sedang berusaha dengan sungguh-sungguh untuk mendapatkan suatu rancangan yang realistik dan boleh dicapai dalam keadaan dan punca-punca yang terhad. Dalam hal yang demikian Kerajaan sentiasa merancang dan mengadakan infrastruktur asas dan juga memberi dorongan. Terpulanglah kepada rakyat untuk menjayakannya. Tidak ada rancangan walau bagaimana baik sekali pun yang akan dapat mencapai tujuan dan objektif kalau perlaksanaannya tidak berkesan dan tidak terlaksana seperti yang dijangkakan. Dalam hal ini Sektor Swasta mempunyai tanggungjawab memaikan perannya. Sesuatu kemajuan dalam sebuah negara itu, tidak kira ia berbentuk sosial atau ekonomi, adalah dicapai hasil daripada usaha sama Kerajaan dan rakyat. Pada dasarnya, ada dua objektif yang hendak dicapai oleh Dasar Ekonomi Baru, satu ialah membentuk semula masyarakat dan satu lagi ialah menghapuskan kemiskinan.

Kedua-dua objektif itu berkehendakkan kepada penggunaan rasional atas segala punca-punca fizika dan manusia yang maksima. Hasil sebenarnya daripada Dasar Ekonomi Baru ialah untuk mewujudkan negara Malaysia yang lebih makmur di dalam negara ini semoga warganegaranya tidak kira apa juga keturunannya akan mendapat kekayaan negara secara saksama. Untuk mencapai hasil ini, setiap warganegara haruslah menyedari masalah yang wujud dalam struktur sosial dan ekonomi negeri ini. Pada masa yang sama setiap warganegara hendaklah bersedia untuk menyumbangkan usaha bagi mencapai objektif Kerajaan.

Di dalam bidang pembangunan, Sektor Swasta mempunyai sumbangan yang penting. Sektor itu mestilah menyetuskan pengeluaran dan meninggikan pendapatan. Pada masa yang sama mestilah pula dijamin bahawa struktur pekerjaan adalah seimbang dan mencerminkan nisbah berbagai-bagai keturunan di dalam negara kita ini. Panduan dari Kerajaan sebagaimana yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru hanya akan tinggal panduan saja, kecuali kalau ada kesedaran yang kuat tentang masalah yang dihadapi oleh setiap orang yang terlibat di dalam membentuk negara ini. Soal penglibatan yang lebih besar daripada Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan berulang kali dilaungkan oleh Kerajaan. Laungan ini akan tinggal laungan sahaja jika tidak ada kesungguhan daripada semua pihak untuk membuat perubahan kearah yang dikehendaki. Walaupun demikian, semenjak wujudnya Dasar Ekonomi Baru saya dapati ada tanda-tanda yang lebih positif tentang sektor swasta bertindak penuh kearah mencapai kehendak-kehendak Dasar Sosial dan Ekonomi Kerajaan. Kita semua dapat menyaksikan penglibatan dan pengeluaran yang lebih, dalam bidang perdagangan dan perusahaan oleh Bumiputra yang mencerminkan perubahan struktur secara beransur-ansur di dalam kegiatan ekonomi di negeri ini.

(tambahan)

PEN. 5/77/32 (TPM)
(Hubungan Tiga)

Di negeri Sabah perubahan yang dinamik sedang berlaku. Adalah satu perkara yang menggalakkan bahawa dalam masa setahun ada tindakan yang giat dijalankan dalam semua bidang pembangunan. Negeri ini mempunyai program yang dinamik untuk pembangunan luarbandar yang akan membawa pembentukan semula sosial dan ekonomi sektor luar bandar. Ini amatlah penting oleh kerana negeri ini mestilah menggunakan secara maksima segala punca semula-jadi dan tenaga manusia supaya dapat taraf hidup yang lebih tinggi dicapai oleh penduduk-penduduk di desa.

Berkaitan dengan program perusahaan di negeri ini saya telah mengikuti perkembangannya yang terbaru. Konferensi Kayu Balak dan Seminar Pelaburan untuk Pelabur-pelabur Tempatan yang telah diadakan dalam masa empat bulan yang kebelakangan ini membuktikan keazaman kerajaan negeri untuk menghasilkan penghasilan yang baik dari punca-punca semula-jadi di negeri ini. Saya sungguh bangga iaitu Konferensi Kayu Balak itu telah mewujudkan perubahan-perubahan radikal kepada dasar pengeluaran dan penghasilan kayu balak. Dasar Kerajaan Negeri untuk menggalakkan lebih banyak perusahaan tempatan memproses kayu balak akan memberi dorongan dan mempercepatkan rancangan industrialisasi di negeri ini. Dengan yang demikian kedudukan ekonomi negeri akan lebih kukuh.

Seminar Pelaburan untuk Pelabur-Pelabur Tempatan yang diusahakan baru-baru ini membuktikan iaitu Kerajaan Negeri bersama-sama dengan pihak swasta sedang meneliti dan mengambil berat tentang keupayaan dan potensi pelaburan di Sabah. Saya yakin dengan adanya suatu dasar industrialisasi yang realistik serta usaha-sama yang lebih gigih dari sektor awam dan swasta objektif-objektif Rancangan Malaysia Ketiga akan dapat dilaksanakan dengan lebih mudah.

Pimpinan dan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menggiatkan lagi minat pelaburan oleh sektor swasta dari luar negeri amatlah menggalakkan. Hakikat adanya minat yang sungguh-sungguh daripada pelabur-pelabur luar negeri terhadap negeri ini menunjukkan bahawa suasana pelaburan di negeri ini menjadi lebih baik. Sabah adalah sebuah negeri yang kaya raya dengan punca-punca semula-jadi. Apa yang dikehendaki ialah perancangan dan penggunaan yang baik keatas punca-punca ini. Kerajaan Persekutuan akan sentiasa memberi bantuan dan sokongan kepada Kerajaan Negeri bagi memajukan Negeri Sabah ini dengan lebih berkesan.

KUALA LUMPUR.

10hb Mei 1977 (dikeluarkan pada pukul 6.00 petang.)